

16 OCT 2003

OIC-Rangkuman/I

UMAT ISLAM DIGESA RAPATKAN BARISAN DAN MANFAATAN SUMBER

Oleh: Shakir Husain

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Para pemimpin Islam yang menghadiri perhimpunan besar dan bersejarah di Malaysia hari ini diasak dengan gesaan agar mereka merapatkan barisan dan menggunakan kekayaan sumber asli bagi memajukan ekonomi, setara dengan perkembangan zaman.

Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 itu nampaknya telah menghakis sikap lapuk gemar berpuas hati, dengan para pemimpin kini mengakui langkah-langkah praktikal diperlukan jika 1.3 bilion umat Islam mahu dibebaskan daripada "penindasan dan aib yang kini menimpa mereka".

Dalam ucapan pembukaannya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa mereka menggunakan kekuatan dan merapatkan barisan dalam menangani isu-isu yang dihadapi umat Islam di seluruh dunia.

"Seluruh dunia sedang melihat kita. Seluruh umat Islam menyandarkan harapan kepada persidangan ini... Mereka mengharap kita berbuat sesuatu, untuk bertindak. Kita tidak boleh katakan kita tidak dapat bersatu tatkala agama dan ummah menghadapi kemusnahan," kata Dr Mahathir.

Sidang kemuncak ini, yang pertama diadakan di rantau Asia Pasifik, menarik jumlah terbesar kehadiran pemimpin Islam seramai 33 orang daripada 57 anggota, sejak penubuhan OIC pada 1969. Negara anggota lain menghantar wakil masing-masing.

Diadakan tiga tahun sekali, ia juga merupakan perhimpunan pertama para pemimpin Islam selepas peristiwa serangan 11 Sept 2001 ke atas Amerika Syarikat, usaha global memerangi keganasan dan serangan ke atas Afghanistan dan Iraq oleh Amerika.

Dr Mahathir berkata tidak mustahil bagi umat Islam untuk menentang musuh dengan menggunakan kekuatan dan kekayaan mereka.

Umat Islam menguasai simpanan minyak terbesar di dunia dan undi daripada 57 buah negara itu boleh menentukan jatuh bangunnya pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, katanya.

Beliau berkata pemimpin-pemimpin Islam tidak patut menggunakan kuasa untuk diri sendiri tetapi menggunakannya dengan adil, cermat dan bersepadu untuk rakyat, ummah dan Islam.

Sementara Dr Mahathir secara terus terang membidas pengkritik-pengkritik Islam, beliau menyeru dipertingkatkan persefahaman antara OIC dan negara-negara yang bersedia berurusan dengan saksama.

"Kita juga tahu bahawa tidak semua orang bukan Islam menentang kita... Kita perlu memenangi hati dan perasaan mereka," katanya kepada persidangan yang bertemakan "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah".

Tetamu khas pada persidangan itu ialah Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden Filipina Gloria Arroyo.

Putin mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir, pengerusi Sidang Kemuncak OIC ke-10 kerana menjemput beliau ke perhimpunan itu.

"Kami tahu kebanyakan negara anggota menyokong usaha kami untuk mengeratkan hubungan dengan OIC. Dan kami melihat ini bukan sekadar manis mulut sahaja tetapi satu keputusan yang berpandangan jauh dan strategik," kata presiden Rusia itu dalam ucapannya.

Isu Palestin merupakan intipati kebanyakan ucapan pada sidang kemuncak itu dengan desakan untuk menamatkan pendudukan Israel.

Pengerusi Jawatankuasa AL Quds OIC Raja Maghribi Mohammed VI berkata rakyat Palestin harus mendapatkan kembali hak mereka bagi sebuah negara merdeka dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negeranya.

Dr Mahathir dalam ucapannya berkata kaum Yahudi memerintah dunia

melalui proksi yang mereka dapatkan melalui penguasaan kebanyakan negara berpengaruh.

Beliau berkata umat Islam harus menggunakan akal untuk memastikan mereka memperoleh kejayaan dalam menamatkan pendudukan Israel di bumi Palestin. Dr Mahathir yang akan melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri akhir bulan ini, diberikan penghargaan khas oleh OIC pada majlis perasmian itu.

Pusat Penyelidikan bagi Sejarah, Kesenian dan Kebudayaan Islam, satu badan naungan OIC, telah mewujudkan "Anugerah Dr Mahathir bagi Pengajian Islam" sebagai mengiktiraf usaha Perdana Mentrei dalam membantu umat Islam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mewakili 117 negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), menggesa OIC supaya lebih berorientasikan tindakan untuk menjadi sebuah badan yang relevan kepada anggotanya.

"Kita perlu terus mempertahankan pendirian yang berharga kepada kita demi kesaksamaan, keadilan dan keseimbangan untuk semua ... Perjuangan bagi sebuah dunia yang bebas konflik dan perang perlu menjadi matlamat bersama NAM dan OIC.

Bercakap bagi pihak kumpulan Asia, Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri berkata OIC perlu menjalani perubahan yang menyeluruh.

"Kita harus mempunyai keberanian untuk memastikan sikap serta usaha kalangan negara-negara anggota untuk memikul tanggungjawab mengkaji semula asas struktur dan mekanisme OIC, sentiasa diperbaharui," katanya.

Setiausaha Agung OIC, Abdelouahed Belkeziz menggesa anggota OIC supaya tampil dengan satu perspektif Islam dan mencipta satu kesedaran baru terhadap ancaman masa depan umat tersebut.

"Politik, ekonomi, sosial, pembangunan serta struktur kebudayaan kita perlu diperbaharui dan diharmonikan supaya ia boleh dibentuk sejajar dengan pembangunan moden," katanya.

Turut berucap pada sidang kemuncak itu adalah Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano, yang merupakan pengerusi Kesatuan Afrika.

Ucapan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kofi Annan telah dibacakan oleh wakil khasnya, Lakhdar Brahimi.

-- BERNAMA  
SKH AZZ AZH